

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	27 September 2015

1MDB terus komited beri maklum balas

Kuala Lumpur: 1Malaysia Development Bhd (1MDB) komited untuk terus menyediakan maklum balas kepada Tun Dr Mahathir Mohamad bagi membantu beliau mengingatkan kembali jawapan berasaskan fakta yang diberikan sebelum ini.

1MDB berkata, Dr Mahathir 'terus mengguna dan mengitar semula dakwaan basi dan tidak terbukti yang telah dibuktikan salah berulang kali.'

"Sebagai contoh, sebelum ini Tun Dr Mahathir mendakwa se-

jumlah RM42 bilion lesap daripada 1MDB. Sekarang beliau mendakwa lebih RM20 bilion tidak dapat kesan atau diambil kira.

Pecahan menyeluruh

"Untuk kebaikan Tun Dr Mahathir, satu pecahan menyeluruh akan bagaimana 1MDB menggunakan hutang RM42 bilion itu – berasaskan penyata kewangan yang telah diaudit syarikat – boleh dilihat menerusi <http://1mdb.com.my/press-release/rm42-billion-all-accounted-for>," kata syarikat itu dalam kenyata-

annya, semalam.

Kenyataan itu dikeluarkan 1MDB susulan catatan berkaitan 1MDB oleh bekas perdana menteri berkenaan yang dipapar menerusi laman blog beliau pada 25 September.

"Berhubung tanah 1MDB, dengan mudahnya Tun Dr Mahathir lupa bahawa 1MDB dimiliki 100 peratus oleh Kerajaan Malaysia, justeru sebarang peningkatan nilai akan memberi manfaat secara langsung hanya kepada kerajaan," kata 1MDB. **BERNAMA**